



TEKS UCAPAN
YBHG. TAN SRI OTHMAN BIN HAJI MAHMOOD
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN
JABATAN PERDANA MENTERI
BERSEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN BULAN
OKTOBER 2016

Tarikh : 27 OKTOBER 2016 (KHAMIS)

Masa : 8.30 PAGI

Tempat : AUDITORIUM JPM
BLOK B1, KOMPLEKS JPM

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh,

Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Terima kasih kepada saudara-saudari Pengacara Majlis, **Puan Siti Norliana Binti Zakaria dan Encik Mohd Zikri Bin Zakaria.**
2. **Yang Berusaha Tuan Haji Zainal Abidin bin Abu Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan) JPM,**
3. **Yang Berusaha dan Puan Zarina Binti Yusuf, Timbalan Ketua Akauntan (Operasi),** selaku penganjur majlis pada kali ini.
4. Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Ketua-Ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin sekalian.

PENDAHULUAN

5. Alhamdulillah segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya maka dapat kita bersama pada pagi yang berbahagia ini di Majlis Perhimpunan Bulanan bagi bulan Oktober 2016 yang dihoskan oleh Bahagian Akaun.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA

6. Pada tahun ini, **Hari Sukan Negara telah berlangsung pada 8 Oktober 2016** dan **jumlah peserta program Hari Sukan Negara pada tahun ini telah melebihi tujuh juta orang iaitu melepasi sasaran awal Kementerian Belia dan Sukan sebanyak enam juta**. Sambutan Hari Sukan Negara telah diisytiharkan pada setiap hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober setiap tahun dan ianya di jadikan agenda nasional yang selari dengan matlamat negara ke arah Wawasan 2020. Semua pihak melalui penglibatan sektor awam, swasta dan rakyat keseluruhannya berganding bahu menganjur dan menyertai program dan aktiviti sukan dan kecergasan pada hari berkenaan.

7. **Hari Sukan Negara ini adalah penting di dalam usaha kerajaan menggalakkan rakyat menerapkan amalan budaya hidup cergas dan aktif memandangkan peratusan masyarakat Malaysia yang aktif bersukan masih lagi rendah iaitu pada kadar sekitar 40 peratus berbanding dengan 50 hingga 60 peratus di negara maju**. Budaya sukan melalui amalan gaya hidup cergas dan aktif pada masa yang sama dapat membantu menurunkan kadar penyakit kronik dikalangan rakyat Malaysia amnya dan meningkatkan produktiviti dalam persekitaran pekerjaan secara khususnya. Sehubungan itu, warga JPM digalakkan melibatkan diri dalam aktiviti senamrobik, gymnasium dan berbasikal yang dianjurkan oleh Kelab Bukit Perdana JPM. Ini adalah kerana saya dapati, masih kurang penyertaan bagi aktiviti-aktiviti yang disediakan tersebut. Promosi juga perlu ditingkatkan lagi bagi menggalakkan semua warga JPM untuk menyertainya.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

BAJET 2017

8. YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak juga selaku Menteri Kewangan Malaysia, telah membentangkan Bajet bagi tahun 2017 pada 21 Oktober 2016.

9. Saya ingin menarik perhatian tuan/puan berhubung **intipati Bajet 2017 yang melibatkan kita sebagai Rakyat umumnya dan sebagai penjawat awam khususnya, antaranya:**

- 1) Bajet 2017 telah memperuntukkan RM260.8 billion, iaitu **3.4% lebih tinggi daripada Bajet 2016;**
- 2) **Tiada kenaikan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) untuk 2017**, dimana kadar GST kekal pada 6%;
- 3) **Cuti kuarantin sehingga 5 hari tanpa rekod** untuk penjawat awam yang mempunyai anak yang sakit dan perlu dikuarantinkan;
- 4) **Kemudahan Cuti Belajar dengan gaji dibayar penuh bersama biasiswa diberikan juga kepada Kumpulan Pelaksana**, yang sebelum ini hanya kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional;
- 5) **Kemudahan Pinjaman Komputer dilanjutkan bagi pembelian telefon pintar (*smartphone*)**. Dimana penjawat awam boleh menggunakan kemudahan ini sekali setiap tiga tahun dan terhad kepada pembelian sebanyak 5 ribu;
- 6) Kerajaan memutuskan bahawa **had pinjaman pembelian motosikal akan dinaikkan daripada 5 ribu ringgit kepada 10 ribu ringgit;**
- 7) Kerajaan bersetuju **menaikkan kelayakan pinjaman perumahan penjawat awam daripada serendah-rendahnya 120 ribu ringgit**

- kepada **200 ribu ringgit**, manakala pinjaman paling tinggi sebelumnya 600 ribu ringgit, kini dinaikkan kepada 750 ribu ringgit;
- 8) **Sebanyak 30 ribu unit lagi Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia akan disiapkan**; dengan harga jualan sekurang-kurangnya 20 peratus di bawah harga pasaran; yakni berharga antara 90 ribu ringgit hingga ke 300 ribu ringgit;
- 9) **Melanjutkan kontrak perkhidmatan dan kontrak bagi pegawai-pegawai perkhidmatan yang akan tamat pada akhir tahun ini kepada sekurang-kurangnya untuk tempoh 1 tahun lagi**;
- 10) **Bayaran khas sebanyak 500 ringgit kepada penjawat awam, manakala 250 ringgit kepada para pesara Kerajaan. Bayaran ini akan diberi pada awal Januari 2017**;

10. Semoga inisiatif bajet 2017 yang diberikan kepada penjawat awam, dapat menjadi pemangkin kepada penjawat awam untuk meningkatkan produktiviti. Penjawat awam juga perlu mempunyai disiplin diri yang kuat dan membuat keputusan yang bijak untuk menggunakan kemudahan dalam bentuk pinjaman yang diberikan.

BULAN KESIAPSIAGAAAN NASIONAL 2016

11. Untuk makluman hadirin, **Kerajaan telah mengisytiharkan bulan Oktober 2016 sebagai Bulan Kesiapsiagaan Nasional (BKN) 2016. Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN, JPM) akan bertindak sebagai Peneraju bagi program ini. Kerajaan menyasarkan untuk meningkatkan kesedaran mengenai tanggungjawab dan tindakan yang perlu diambil oleh kerajaan serta menangani kebajikan rakyat dalam tempoh menghadapi bencana.**

12. Baru-baru ini kita juga telah dikejutkan dengan kebakaran yang telah berlaku di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru. Marilah sama-sama kita mendoakan agar mangsa yang cedera akan sembuh seperti sedia kala. Sehubungan itu, saya ingin mengingatkan agar perkara sebegini tidak berlaku di bangunan JPM ini dan menyeru agar tuan/puan perlu sentiasa menitikberatkan keselamatan di pejabat dengan memastikan keadaan penyelenggaraan seperti suis elektrik dan sebagainya berada dalam keadaan rapi dan selamat. Suis elektrik perlu ditutup sama ada pada waktu bekerja sudah tamat pada setiap hari, ketika menjelang cuti hujung minggu mahupun cuti panjang.

Tuan/puan yang dihormati sekalian,

WANG TAK DITUNTUT

13. Selain mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan, **Jabatan Akauntan Negara juga dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan bagi penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965.** Apakah bentuk transaksi yang diklasifikasikan di bawah Wang Tak Dituntut, dan apakah yang perlu dilakukan sekiranya kita ingin membuat tuntutan wang tak dituntut berkenaan.

14. **Untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai Wang Tak Dituntut ini, marilah kita bersama-sama mendengar taklimat ringkas yang akan disampaikan oleh Puan Murniyati Binti Ramli, Timbalan Pengarah Sekyen Pematuhan daripada Bahagian Wang Tak Dituntut Jabatan Akauntan Negara Malaysia selepas ini In Sya Allah.**

15. Buat warga JPM yang beragama Hindu, Selamat menyambut Hari Deepavali yang bakal diraikan pada 29 Oktober ini. Akhir kata, **sekali lagi saya merakamkan terima kasih kepada Bahagian Akaun selaku penganjur Perhimpunan Bulanan JPM pada kali ini.**

Dengan itu saya akhiri ucapan saya dengan wabillahittaufik walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.